

Sukarelawan Cilik

Arlitaharianty Sayrol




Nabil dan Nabilah sekeluarga sedang makan malam. Mereka sedang makan sambil berbual-bual tentang aktiviti yang dilakukan di sekolah pada hari itu. Nabil dan Nabilah bercerita semasa mereka menyiapkan sumbangan keperluan harian yang didermakan oleh rakan-rakan mereka. Barang-barang itu akan didermakan kepada keluarga yang **berpendapatan** rendah di kawasan kejiranannya sekolah mereka. Nabil dan Nabilah juga turut menyumbang barang-barang seperti beras dan makanan dalam tin.



Semasa Nabil dan Nabilah sekeluarga sedang rancak berbual, tiba-tiba terdengar bunyi di koridor rumah mereka. Tuan Nazri bergegas bangun dari tempat duduknya. Beliau terlihat Nenek Sally sedang dibawa oleh **paramedik** ke hospital dengan katil pengusung. Nenek Sally merupakan ibu kepada jiran mereka yang berbangsa Serani, Pak Cik Benjamin dan Mak Cik Sophia. Tuan Nazri pun keluar dari rumahnya untuk bertanyakan Mak Cik Sophia yang sedang berada di koridor ketika itu.

Rupa-rupanya, Nenek Sally diserang penyakit semput dan harus dibawa ke hospital kerana keadaannya. Mak Cik Sophia meminta izin agar dia dapat menumpangkan anak-anaknya bersama Tuan Nazri sekeluarga sementara dia dan suaminya ke hospital.

Tuan Nazri mengangguk setelah mendengar permintaannya itu. Ketiga-tiga anak Cik Sophia, iaitu Joseph, Joyce dan Jason, dipelawa masuk ke dalam rumah.




Tuan Nazri pun menerangkan kepada keluarganya apa yang telah berlaku. Nabil dan Nabilah turut **bersimpati**. Setelah selesai makan malam dan mengemas meja, Nabil mengajak Joseph, Joyce dan Jason menonton televisyen sementara menunggu ibu bapa mereka pulang dari hospital. Nabil cuba membuat mereka berasa selesa seperti berada di rumah mereka sendiri.



Melihat sahaja **kelibat** Mak Cik Sophia dan suaminya di muka pintu, Tuan Nazri dan Puan Natasha mengajak mereka masuk ke rumah. Bukan hanya penat, mereka juga kelihatan **resah**.

Pak Cik Benjamin menerangkan bahawa dia akan ke China tidak lama lagi untuk bertugas. Dalam keadaan seperti ini, berat hatinya untuk meninggalkan keluarganya. Mak Cik Sophia




menambah bahawa Nenek Sally pula ditahan di rumah sakit untuk mendapatkan rawatan.

Nabil dan Nabilah yang sedang duduk tidak jauh dari mereka, terdengar perbualan mereka itu. Mereka bersimpati melihat keadaan Mak Cik Sophia sekeluarga. Mereka ingin menolong Mak Cik Sophia dan Pak Cik Benjamin.

Selepas jiran mereka pulang, Nabil dan Nabilah menyampaikan niat mereka kepada Tuan Nazri dan Puan Natasha. Tuan Nazri dan Puan Natasha bersetuju dengan cadangan mereka itu. Nabil dan Nabilah **berbesar hati** dapat menolong keluarga Pak Cik Benjamin dan Mak Cik Sophia.

Mereka bercadang akan berganti-ganti menolong menjaga dan mengajar Joseph, Joyce dan Jason. Dengan bantuan mereka itu, mereka berharap dapat meringankan kebimbangan jiran mereka itu.

Setiap hari selepas sekolah, Joseph, Joyce dan Jason akan ke rumah Tuan Nazri. Nabil dan Nabilah membantu mereka untuk menyelesaikan sebarang kerja sekolah sementara menunggu Mak Cik Sophia pulang dari rumah sakit. Nabil dan Nabilah terus membantu mengajar mereka sepanjang rawatan Nenek Sally di hospital.



Joseph sangat bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Nabil dan Nabilah. Nabilah menjelaskan bahawa mereka melakukannya dengan **sukarela** dan ikhlas. Nabil pula berasa senang hati kerana mereka selesa di rumahnya. Mendengar penjelasan Nabil itu, Jason sempat berseloroh dan menyatakan dia ingin tinggal di situ. Kata-kata Jason itu membuat mereka tersenyum.



Tuan Nazri gembira melihat Nabil dan Nabilah menunjukkan sifat prihatin terhadap Joseph, Joyce dan Jason. Mereka kelihatan suka dan seronok dapat mengajar anak-anak Mak Cik Sophia. Malahan, Nabil sempat bergurau bahawa dia tidaklah berasa bosan asyik memandang wajah



Nabilah sahaja seharian. Nabilah pula pura-pura marah dan mereka semua ketawa melihatkan reaksi Nabilah itu.

Pak Cik Benjamin sekeluarga mengunjungi keluarga Nabil dan Nabilah setelah Pak Cik Benjamin pulang ke Singapura. Pak Cik Benjamin membawa **cenderamata** buat mereka sebagai tanda terima kasih. Pak Cik Benjamin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Nazri sekeluarga. Keluarga Tuan Nazri telah banyak menolong mereka, lebih-lebih lagi kepada Nabil dan Nabilah yang telah membimbing anak-anaknya.

Tuan Nazri menjelaskan bahawa mereka ikhlas menolong keluarga Pak Cik Benjamin. Nabil dan

Nabilah pula bersyukur kerana dengan mencurahkan bakti kepada keluarga Pak Cik Benjamin, impian mereka untuk menjadi sukarelawan cilik tercapai jua akhirnya.

Pak Cik Benjamin dan Mak Cik Sophia gembira mendengar kata-kata mereka itu. Mereka bangga mempunyai jiran seperti keluarga Tuan Nazri yang mengambil berat tentang jiran-jiran mereka. Pak Cik Benjamin berharap Nabil dan Nabilah akan menjadi sukarelawan yang bertanggungjawab seperti ibu bapa mereka, Tuan Nazri dan Puan Natasha.



Galakan yang diberikan oleh Pak Cik Benjamin itu telah membakar semangat Nabil dan Nabilah untuk menjadi sukarelawan yang sentiasa bersedia untuk berbakti kepada masyarakat.



Glosari

berpendapat	bergaji
paramedik	orang yang tugasnya membantu atau melengkapi kerja-kerja yang ada kaitan dengan bidang perubatan
menumpangkan	menyerahkan sesuatu atau seseorang supaya dijaga atau diurus
bersimpati	menaruh perasaan belas kasihan
kelibat	bayang, rupa sesuatu yang kelihatan sepintas lalu
resah	tidak tenang hati, rusuh hati, gelisah
berbesar hati	berasa bangga atau gembira
sukarela	atas kemahuan sendiri
bertanggungjawab	berkewajipan
cenderamata	pemberian sebagai tanda ingatan





Trivia

Tahukah kamu tentang ...

Tahukah kamu bahawa kamu boleh menyumbang tenaga sebagai sukarelawan dengan cara yang mudah di sekolah maupun di luar sekolah seperti membantu rakan-rakan dan juga jiran-jiran kamu.

Antara aktiviti-aktiviti yang kamu mungkin telah lakukan bagi membantu mereka adalah seperti menjadi 'Rakan' atau 'Buddy' bagi murid darjah 1, mengajar rakan-rakan yang kurang faham tentang pelajaran mereka, membersihkan kawasan koridor tempat tinggal kamu ataupun menolong perhatikan rumah mereka jika mereka tiada di rumah.




Aktiviti Bersama Keluarga

Tajuk: Sukarelawan Menyumbang Kepada Masyarakat

Pada setiap tahun, sekolah-sekolah biasanya akan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan ataupun badan-badan seperti Persatuan Palang Merah dan Persatuan Kanak-kanak Singapura.

Terangkan bagaimana kamu dan keluarga kamu boleh membantu menjayakan salah satu aktiviti tersebut supaya aktiviti tersebut akan menjadi lebih



bermakna buat diri kamu. Bagaimanakah perasaan kamu jika kamu dapat mengambil bahagian di dalam aktiviti tersebut bersama keluarga kamu?

Kamu boleh berkongsi tentang aktiviti tersebut bersama keluarga dan juga teman-teman kamu.

Bawa gambar atau permainan tersebut ke sekolah dan kongsi pengalaman kamu bermain bersama keluarga dengan rakan-rakan di kelas.

Aktiviti Saya Bersama Keluarga

